

06/08/2003

Dr M lawat Sabah Jumaat

KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi sehari ke Sabah, Jumaat ini.

Ketua Menteri, Datuk Musa Aman, berkata Dr Mahathir dijadual merasmikan mesyuarat agung Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Bersatu (Upko) di Pusat Kebudayaan Sabah di Penampang dekat sini pada sebelah petang.

"Pada sebelah tengah hari, beliau akan menghadiri jamuan tengah hari bersama pemimpin parti komponen BN Sabah dan anggota Kabinet negeri," katanya kepada pemberita sekembalinya dari Kuala Lumpur, petang semalam.